Re Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin; ex p Syarikat Abu Haniffa

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — KEBANKRAPAN NO 29–1189 TAHUN 1998
ABDUL HAMID MOHAMAD H
12 NOVEMBER 1999

Kebankrapan *— Notis — Permohonan untuk mengenepikan — Penghakiman diperolehi atas nama firma pemiutang penghakiman — Sama ada pemiutang penghakiman boleh mendakwa dan mengeluarkan notis atas nama firma*

Syarikat Abu Haniffa ('pemiutang penghakiman') yang mendakwa sebagai sebuah firma memperolehi penghakiman terhadap Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin ('penghutang penghakiman') di Mahkamah Sesyen Pulau Pinang dan mengeluarkan satu notis kebankrapan ('lampiran 2') dan petisyen pemiutang ('lampiran 6'). Penghutang penghakiman menfail saman dalam kamar memohon perintah bahawa notis kebankrapan itu diketepikan dan juga perlanjutan masa untuk menfail permohonan itu ('lampiran 11') dan menfail notis untuk menentang petisyen pemiutang ('lampiran 19'). Penolong kanan pendaftar ('PKP') menolak permohonan lampiran 11 dan penghutang penghakiman merayu ('lampiran 21'). Penolong kanan pendaftar juga mendengar petisyen pemiutang dan menghakimkan penghutang penghakiman menjadi seorang bankrap. Penghutang penghakiman merayu ('lampiran 22').

Diputuskan, membenarkan rayuan penghutang penghakiman di lampiran 21 dan 22:

(1) Memandangkan bahawa permohonan di lampiran 21 dibuat di bawah kaedah 18 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dan bukan di bawah kaedah 95 Kaedah-kaedah itu, syarat tujuh hari dan lain-lain yang berkenaan dengan kaedah 95 tidaklah terpakai (lihat ms 486B).

(2) Notis kebankrapan boleh dibuat dalam Bahasa Inggeris untuk mengelakkan sebarang percanggahan di antara Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dan Akta Kebankrapan 1967 kerana naskhah Bahasa Malaysia untuk Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 bukanlah naskhah sahih dan Akta Kebankrapan 1967 tidak mempunyai naskhah Bahasa Malaysia dan naskhah sahihnya adalah naskhah Bahasa Inggeris (lihat ms 486D–E).

(3) Syarikat Abu Haniffa, sebagai sebuah firma tidak boleh mendakwa atas nama firma, walau pun dakwaan boleh dibuat atas nama firma. Memandangkan bahawa pemiutang penghakiman telah memulakan tindakannya di Mahkamah Sesyen atas nama firmanya, mahkamah di peringkat ini boleh mengambil maklum ketidaksahan itu kerana ianya adalah suatu perkara yang nyata

dan fakta mengenainya tidak dan tidak boleh dipertikaikan; *Mason v Mogridge dan Wee Tiang Kheng & Ors v Ngu Nil Soon & Ors* diikuti (lihat ms 486G–H).

(4) Disebabkan keputusan mengenepikan notis kebankrapan, maka perintah penolong kanan pendaftar berkenaan petisyen pemiutang perlulah dibatalkan (lihat ms 487D–E).

[English summary

Syarikat Abu Haniffa ('the judgment creditor') which was suing as a firm had obtained judgment against Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin ('the judgment debtor') at the Sessions Court in Penang which issued a notice of bankruptcy ('encl 2') and a creditor's petition ('encl 6'). The judgment debtor filed a summons-in-chambers praying that the notice of bankruptcy be set aside as well as extension of time to file the application ('encl 11') and filed a notice to challenge the creditor's petition ('encl 19'). The senior assistant registrar ('the SAR') dismissed the application on encl 11 and the judgment debtor appealed ('encl 21'). The SAR also heard the judgment creditor's petition and adjudged the judgment debtor as a bankrupt. The judgment debtor appealed ('encl 22').

Held, allowing the judgment debtor's appeal on encls 21 and 22:

(1) As the application in encl 21 was made under r 18 of the Bankruptcy Rules 1969 and not under r 95 of the Rules, the seven-day precondition and those in connection with r 95 did not apply (see p 486B).

(2) A notice of bankruptcy may be made in English to avoid any conflict between the Bankruptcy Rules 1969 and the Bankruptcy Act 1967 because the Bahasa Malaysia copy of the Bankruptcy Rules 1969 was not a true copy and there was no Bahasa Malaysia version of the Bankruptcy Act 1967 and its true copy was the English version (see p 486D–E).

(3) Being a firm, Syarikat Abu Haniffa could not sue in the name of the firm, although a prosecution could be instituted in its name. In view of the fact that the judgment creditor had commenced his action in the sessions court in the name of the firm, the court in this instance could take notice of the invalidity as it was a clear matter and the facts involved were not and could not be disputed; *Mason v Mogridge and Wee Tiang Kheng & Ors v Ngu Nil Soon & Ors* followed (see p 486G–H).

(4) In view of the decision to set aside the bankruptcy notice, the order made by the SAR on the creditor's petition was thus revoked (see p 487D–E).]

A **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-perenggan 1708–1724.

B **Kes-kes yang dirujuk**

Mason v Mogridge (1892) 8 TLR 805 (diikuti)
Wee Tiang Kheng & Ors v Ngu Nii Soon & Ors [1989] 1 MLJ 252 (dirujuk)

C **Undang-undang yang dirujuk**

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 s 8
Akta Kebangkrapan 1967
Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 kk 18, 95

D *Darshan Singh Khaira* (*Darshan Singh & Co*) bagi pihak penghutang penghakiman.
Abu Haniffa Md Abdullah (*Abu Haniffa*) bagi pihak pemiutang penghakiman.

Abdul Hamid Mohamad H: Syarikat Abu Haniffa (pemiutang
E penghakiman dalam petisyen kebankrapan ini) yang mendakwa sebagai sebuah firma memperolehi penghakiman terhadap Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin (penghutang penghakiman) berjumlah RM66,981.35 di Mahkamah Sesyen Pulau Pinang pada 6 Ogos 1998.

Pada 9 September 1998 pemiutang penghakiman mengeluarkan satu
F notis kebankrapan terhadap penghutang penghakiman untuk jumlah sebanyak RM68,274.35 yang termasuk kos — Lampiran 2.

Petisyen pemiutang difail pada 8 Oktober 1998 — Lampiran 6.

Pada 15 Januari 1999 penghutang penghakiman memfail saman dalam kamar memohon perintah bahawa notis kebankrapan itu diketepikan dan juga perlanjutan masa untuk memfail permohonan itu. Lampiran 11.

G

Pada 26 Januari 1991, penghutang penghakiman memfail notis untuk menentang petisyen itu — Lampiran 19.

Pada 27 Februari 1999, penolong kanan pendaftar menolak permohonan penghutang penghakiman untuk mengenepikan Notis Kebankrapan — Lampiran 11. Penghutang penghakiman merayu —
H Lampiran 21.

Pada 5 April 1999 penolong kanan pendaftar mendengar petisyen pemiutang (Lampiran 6) dan menghakimkan penghutang penghakiman menjadi seorang bankrap. Penghutang penghakiman merayu — Lampiran 22.

I Pada 20 Ogos 1999, saya membenarkan rayuan penghutang penghakiman dan mengenepikan notis kebankrapan itu. Memandangkan kepada keputusan saya bagi Lampiran 21 itu, maka saya membenarkan

rayuan penghutang penghakiman terhadap penghakiman kebankrapannya (rayuan di Lampiran 22).

Lampiran 21

Perlu disebut bahawa permohonan ini dibuat di bawah k 18, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah-kaedah') dan bukan di bawah k 95, Kaedah-kaedah itu. Oleh itu syarat tujuh hari dan lain-lain yang berkenaan dengan k 95 itu tidaklah terpakai.

Isu pertama yang dihujahkan oleh peguam penghutang penghakiman ialah notis itu tidak sah kerana ianya dibuat dalam Bahasa Inggeris dan tidak dalam Bahasa Kebangsaan. Beliau merujuk kepada s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan juga kepada Arahan Ketua Hakim Negara bertarikh 22 Oktober 1998.

Saya menolak hujah ini kerana walaupun Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 ada naskhah Bahasa Malaysianya (ejaan lama dan sukar diperolehi), ia bukanlah naskhah sahih. Naskhah sahih adalah naskhah Bahasa Inggeris. Selain dari itu, Akta Kebankrapan 1967 pun tidak mempunyai naskhah Bahasa Malaysia dan naskhah sahihnya adalah naskhah Bahasa Inggeris.

Saya khuatir jika terdapat percangggahan antara peruntukan dalam Akta dalam Bahasa Inggeris dan dalam Kaedah-kaedah dalam Bahasa Kebangsaan, maka masalah akan timbul. Dalam keadaan ini saya memutuskan bahawa notis kebankrapan boleh dibuat dalam Bahasa Inggeris.

En Abu Haniffa, pemilik tunggal Syarikat Abu Haniffa yang juga mewakili firma itu dalam petisyen ini menghujahkan bahawa terdapat kelambatan di pihak penghutang penghakiman membuat permohonan ini, yang difail lebih kurang $3^1/_2$ bulan daripada penyampaian Notis Kebankrapan.

Saya tidak fikir tempoh itu satu tempoh yang tidak munasabah dan menolak bantahan atas alasan itu.

Hujah peguam penghutang penghakiman yang paling bernas ialah bahawa Syarikat Abu Haniffa, sebagai sebuah firma (sebenarnya firma peguam) tidak boleh mendakwa (sue) atas nama firma, walaupun dakwaan boleh dibuat (may be sued) atas nama firma itu. Prinsip ini telah dipakai begitu lama, di England mahu pun di Malaysia — lihat Malaysian High Court Practice (1998) Jilid 1I, ms 5093 perenggan 77.1.8, di mana kes *Mason v Mogridge* (1892) 8 TLR 805 dan *Wee Tiang Kheng & Ors v Ngu Nii Soon & Ors* [1989] 1 MLJ 252.

Rasional prinsip ini tidak sukar difahami. Seseorang yang berniaga atas nama lain daripada namanya sebenar tentu tahu apa nama sebenarnya. Sebaliknya seorang yang berurusan dengan firma itu mungkin tidak tahu nama sebenar pemiliknya, yang mungkin juga sengaja hendak disorok. Maka adalah adil menghendaki dia memulakan tindakan atas namanya sendiri, tetapi orang lain boleh memulakan tindakan terhadapnya atas nama firmanya.

A Dalam kes ini tindakan pemiutang penghakiman di mahkamah sesyen atas nama firmanya. Mengikut nas yang dirujuk tadi, ianya tidak betul. Saya berpendapat mahkamah di peringkat ini pun boleh mengambil maklum ketidaksahan itu kerana ianya adalah suatu perkara yang nyata dan fakta mengenainya tidak dan tidak boleh dipertikaikan. Menunggu sehingga pendengaran petisyen hanya akan melambatkan keputusan mengenai
B bantahan ini. la juga akan melibatkan lebih banyak kos selain daripada melambatkan pemiutang pPenghakiman mengambil tindakan untuk membetulkan kesilapan itu.

Atas alasan ini saya meluluskan rayuan penghutang penghakiman dan mengenepikan notis kebankrapan itu.

C *Lampiran 22*

Lampiran 22 adalah rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar berkenaan Lampiran 6. Lampiran 6 adalah petisyen pemiutang. Penolong kanan pendaftar memberi perintah penghakiman dan penerimaan. Ertinya
D penghutang penghakiman dihukum bankrap. penghutang penghakiman merayu.

Disebabkan oleh keputusan saya yang mengenepikan notis kebankrapan, maka perintah penolong kanan pendaftar itu perlulah dibatalkan.

E *Rayuan penghutang penghakiman di lampiran 21 dan 22 dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Moy Saw Han

F

G

H

I